

Maharaja Akihito beri penghormatan khas

BH - 23/5/2006

PM sampaikan ucaptama pada Persidangan Antarabangsa Nikkei

Mutazar Abd Ghani

di Tokyo, Jepun



TOKYO: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang tiba di sini semalam untuk lawatan kerja lima hari diberi penghormatan istimewa menghadap Maharaja Akihito di Istana Maharaja, hari ini.

Pertemuan sulung Perdana Menteri dengan Maharaja Jepun sejak mengambil alih tampuk pemerintahan negara pada Oktober 2003, dianggap istimewa kerana penerimaan menghadap itu pada kelazimannya hanya dikhaskan ketika lawatan rasmi.

Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Marzuki Mohammed Noor, berkata ini adalah lawatan kerja keempat Perdana Menteri ke Jepun sejak Oktober 2003, manakala Maharaja Jepun pula dijadual melawat Malaysia pada 11 dan 12 Jun ini.

Lawatan kerja Abdullah kali ini adalah bersempena Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-12 yang mana Perdana Menteri sekali lagi diberi penghormatan untuk menyampaikan ucaptama bertajuk *Menuju Masyarakat Asia - Konsep dan Prospek* pada persidangan antarabangsa itu, Khamis ini.

"Sebagai duta di sini, saya amat berbangga kerana ini adalah persidangan sektor korporat yang memabitkan banyak kepentingan di rantau ini. Malaysia terus diberi keistimewaan dalam persidangan ini apabila Perdana Menteri sekali lagi diundang untuk menyampaikan ucaptama.

"Input Malaysia sangat relevan memandangkan kita masih lagi Pengerusi Sidang Kemuncak Asia Timur," katanya kepada wartawan Malaysia di Kedutaan Besar Malaysia di sini, semalam.

Selain Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi selaku tuan rumah, turut hadir pada persidangan itu ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew dan Naib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla.

"Bersempena persidangan itu, Abdullah turut menghadiri makan tengah hari dan malam yang turut dihadiri oleh tokoh korporat," katanya.

Marzuki berkata, Abdullah akan mengadakan pertemuan dengan Koizumi, esok. Mereka dijangka berbincang mengenai pelbagai isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Perdana Menteri dijadual melawat



LANGKAH PEMIMPIN: Abdullah diiringi Marzuki turun dari pesawat sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Haneda, semalam untuk lawatan kerja enam hari.

Pusat Matsushita Panasonic hari ini.

Perdana Menteri juga akan diberi taklimat oleh Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun mengenai biofuel yang kini sedang giat diperkembangkan penggunaannya di Malaysia.

"Pengalaman Jepun sebagai pengeluar automotif kedua terbesar dunia

dalam aspek penggunaan bahan api itu sangat penting untuk diteliti Malaysia," katanya.

Marzuki berkata, pada akhir lawatannya, Abdullah akan menyampaikan ucapan bertajuk *Islam Hadhari* pada siri syarahan U Thant anjuran United Nations University (UNU), Jepun.

Syarahan itu akan dihadiri oleh

ahli akademik, duta dan pelajar, serta disiarkan secara langsung menerusi televisyen web universiti itu.

Abdullah seterusnya akan menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Malaysia dan UNU untuk penubuhan Institut Antarabangsa Kesihatan Global UNU di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).